

## Dasar Perlindungan Data Peribadi

Kami di Tokio Marine Malaysia yang terdiri daripada **Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd** (“**TMLM**”) dan **Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad** mengambil tanggungjawab kami di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**PDPA**”) secara serius. Kami juga mengiktiraf kepentingan data peribadi yang anda telah memberi kepada kami dan mempercayai bahawa ia adalah tanggungjawab kami untuk menguruskan, melindungi dan memproses data peribadi anda dengan wajar.

Polisi Perlindungan Data ini bermatlamat untuk membantu anda memahami cara kami mengumpul, menggunakan, menzahir dan/atau memproses data peribadi yang anda telah berikan kepada kami, serta untuk membantu anda dalam membuat suatu keputusan termaklum sebelum memberikan sebarang data peribadi anda kepada kami.

Jika anda, pada bila-bila masa, mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan dengan Polisi ini atau sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan cara kami mengurus, melindungi dan/atau memproses data peribadi anda, sila hubungi Wakil Perkhidmatan Pelanggan kami. Anda boleh menghubungi kami di:

### **TMLM’s Wakil Perkhidmatan Pelanggan:**

Telefon : 03 2059 6188  
Emel : [customercare@tokiomarinelife.com.my](mailto:customercare@tokiomarinelife.com.my)

### **TMIM’s Wakil Perkhidmatan Pelanggan:**

Telefon : 03 2026 9808  
Emel : [letusknow@tokiomarine.com.my](mailto:letusknow@tokiomarine.com.my)

Kami akan menghubungi anda sekiranya maklumat atau penjelasan lanjut diperlukan.

## PENGENALAN KEPADA PDPA

“Data Peribadi” ditafsirkan di bawah PDPA sebagai data yang berkaitan dengan seorang individu yang boleh dikenal pasti berdasarkan data dan maklumat lain dalam milikan seorang individu dan termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan penyataan seorang individu. Contoh-contoh lazim Data Peribadi termasuk nama, nombor pengenalan, butiran perhubungan, rekod-rekod kesihatan, gambar-gambar dan imej video, maklumat kewangan, kepercayaan agama dan penyataan pendapat.

~~Kami akan mengumpul, menggunakan dan memproses Data Peribadi anda mengikut PDPA. Kami~~

## PENGUMPULAN DATA PERIBADI

Data Peribadi anda dikumpul dan disimpan apabila anda membuat permohonan untuk polisi insurans, pembaharuan atau pengubahsuaian polisi insurans, apabila anda memasuki laman web kami dan apabila anda memberikan Data Peribadi anda kepada kami melalui apa-apa saluran yang lain.

Kami juga boleh memperolehi Data Peribadi anda dari sumber-sumber lain seperti biro-biro atau agensi-agensi yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa kawal selia, pengendali-pengendali daftar atau pangkalan data sedia ada untuk industri insurans, entiti-entiti sekutu kami, rakan kongsi perniagaan dan pihak ketiga bebas, pihak berkuasa kawal selia dan mana-mana pihak yang pernah, sedang atau akan membekalkan produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan kepada anda dan sesiapa yang anda telah memberikan kebenaran.

## TUJUAN PENGUMPULAN DATA PERIBADI

Data Peribadi anda akan dikumpul, diguna dan diproses oleh kami atau pihak-pihak berkuasa kami untuk tujuan-tujuan yang berikut:

- untuk lebih memahami keperluan insurans anda, membekalkan maklumat pemasaran kami, memasuki dan menyempurnakan perjanjian insurans anda, dan untuk menyediakan dan mengendalikan polisi anda dan memberikan anda perkhidmatan pelanggan yang lebih baik.
- untuk memudahkan dan memberarkan suatu carian hasil tidak dituntut yang berkenaan dengan polisi anda termasuk penubuhan dan/atau penerbitan sebuah daftar hasil tidak dituntut tersebut dan sebarang perkara lain yang berkaitan dengannya.
- untuk tujuan pengunderitan, penilaian risiko, insurans semula, pengendalian dan penyelesaian tuntutan-tuntutan dan audit.
- untuk melaksanakan semakan-semakan kredit dan kewangan.
- untuk penzahiran kepada pihak ketiga yang diberi kuasa.
- untuk pemindahan data ke, dan perkongsian data dengan, sekutu-sekutu kami termasuk Pejabat Cawangan kami dan/atau pihak-pihak ketiga yang bertindak bagi pihak kami termasuk mereka yang terletak di luar Malaysia.
- untuk tujuan-tujuan lain seperti yang dimaklumkan kepada anda pada masa pengumpulan.
- untuk tujuan-tujuan lain yang berkaitan secara langsung dengan mana-mana yang dinyatakan di atas.

Dengan memberikan Data Peribadi anda kepada kami, anda mengakui dan menerima bahawa kami boleh menyimpan maklumat anda untuk sepanjang masa yang diperlukan oleh kami untuk mencapai tujuan maklumat anda dikumpul dan untuk mematuhi PDPA atau mana-mana undang-undang relevan.

Anda boleh memilih sama ada atau tidak untuk memberikan Data Peribadi anda kepada kami. Walau bagaimanapun, kegagalan anda untuk membekalkan Data Peribadi anda kepada kami boleh menyebabkan kami tidak dapat membekalkan perkhidmatan dan/atau produk kepada anda. Ia adalah wajib untuk anda memberikan Data Peribadi anda kepada kami apabila anda memilih untuk membuat permohonan untuk sebuah polisi insurans. Oleh yang demikian, jika anda tidak memberikan Data Peribadi anda kepada kami apabila anda membuat permohonan untuk membeli polisi insurans, kami tidak boleh menerima atau memproses permohonan anda.

## PENZAHIRAN DATA PERIBADI

Kami menghormati kerahsiaan Data Peribadi yang anda memberikan kepada kami.

Sehubungan itu, kami tidak akan menzahirkan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak ketiga tanpa memperolehi persetujuan anda yang membenarkan kami untuk membuat demikian terlebih dahulu. Data Peribadi anda mungkin dizahirkan kepada pihak-pihak berikut:

- agen-agen dan wakil jualan dan sekutu-sekutu kami (di mana, sebagai contohnya, anda diinsuranskan di bawah satu polisi insurans kumpulan melalui majikan anda).
- syarikat-syarikat insurans, syarikat-syarikat insurans semula, syarikat-syarikat pembrokeran, badan-badan kredit dan pemegang polisi kumpulan lain.
- mereka dari mana kami mendapatkan perkhidmatan luar untuk sesetengah operasi-operasi perniagaan.
- rakan kongsi komersial atau syarikat-syarikat berkaitan dengan atau sekutu dengan kami.
- juruaudit, peguamcara, pelaras kerugian, akauntan dan penilai kami.
- pengumpul data tuntutan, penyiasat dan pengamal perubatan luaran kami.
- pembekal perkhidmatan, kontraktor dan subkontraktor yang terlibat dengan pembekalan kemudahan, produk dan/atau perkhidmatan kepada kami.
- Kerajaan atau badan kawal selia, biro-biro, agensi-agensi atau sesiapa yang kami dikehendaki oleh undang-undang untuk menzahirkan maklumat.
- pengendali daftar atau pangkalan data yang sedia ada untuk industri insurans.
- sesiapa yang kami mengenal pasti sebagai wajib atau sesuai.

Jika dibenarkan, Data Peribadi anda mungkin diberikan kepada mana-mana pihak di atas yang mungkin bertempat di dalam atau di luar Malaysia. Data Peribadi anda boleh dipindahkan kepada, disimpan dan diproses dalam bidang kuasa di mana pembekal perkhidmatan atau kontraktor bertempat. Dengan memberikan Data Peribadi anda kepada kami, anda bersetuju kepada penzahiran Data Peribadi anda oleh kami kepada pihak-pihak ketiga yang diperihalkan di atas.

## PERMOHONAN UNTUK MENGAKSES DAN/ATAU MEMBUAT PEMBETULAN DATA PERIBADI

Anda boleh memohon untuk mengakses dan/atau membetulkan Data Peribadi anda yang berada di dalam milikan atau kawalan kami dengan menghantar suatu permohonan bertulis kepada kami secara menghubungi Wakil Perkhidmatan Pelanggan kami di nombor telefon dan alamat emel yang dinyatakan di atas.

Kami berhak untuk mencaj apa-apa kos yang berkaitan dengan dan yang diperlukan untuk pemprosesan sebarang permohonan mengenai Data Peribadi anda.

## PERMOHONAN UNTUK MENARIK BALIK PERSETUJUAN

Anda boleh menarik balik persetujuan anda untuk pengumpulan, penggunaan dan/atau penzahiran Data Peribadi anda dalam milikan kami atau di bawah kawalan kami dengan menghantar suatu permohonan bertulis kepada kami.

Anda harus mengambil perhatian, walau bagaimanapun, bahawa penarikan balik persetujuan anda boleh menyebabkan sesetengah akibat undang-undang berbangkit daripada penarikan

balik tersebut. Berkenaan dengan TMLM, bergantung pada tahap penarikan balik persetujuan anda untuk kami memproses Data Peribadi anda, ia boleh bermakna bahawa kami tidak dapat meneruskan hubungan anda dengan kami yang sedia ada dan/atau polisi atau polisi-polisi yang anda memiliki dengan kami perlu ditamatkan.

## PENGENDALIAN DAN PENGURUSAN DATA PERIBADI

Kami akan mengambil usaha yang munasabah untuk memastikan bahawa Data Peribadi anda adalah tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun, ini bermakna bahawa anda juga perlu memaklumkan kepada kami sebarang perkembangan terkini berkenaan dengan apa-apa perubahan kepada Data Peribadi anda yang anda telah memberikan kepada kami pada awalnya. Kami tidak bertanggungjawab jika kami bergantung pada Data Peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap yang disebabkan oleh anda tidak mengemas kini apa-apa perubahan dalam Data Peribadi anda yang anda telah memberikan kepada kami pada awalnya.

Kami juga akan menyediakan langkah-langkah keselamatan yang munasabah untuk memastikan bahawa Data Peribadi anda adalah dilindungi dan dijamin dengan secukupnya. Langkah-langkah keselamatan yang sesuai akan diambil untuk mengelakkan sebarang akses, pengumpulan, penggunaan, penzahiran, penyalinan, pengubahsuaihan, kebocoran, kehilangan, kerosakan dan/atau pengubahan Data Peribadi anda yang tidak diberikan kuasa. Walau bagaimanapun, kami tidak bertanggungjawab atas sebarang penggunaan Data Peribadi anda oleh pihak-pihak ketiga di mana penggunaan tersebut tidak diberikan kuasa yang disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan kami.

Laman web ini mungkin mengandungi pautan-pautan ke laman-laman web pihak ketiga yang bukan dalam kawalan kami. Anda harus mengaji polisi-polisi privasi laman-laman web tersebut untuk memahami polisi mereka mengenai cara mereka berurusan dengan Data Peribadi anda.

Kami juga akan menyediakan langkah-langkah munasabah supaya Data Peribadi anda dalam milikan kami atau di bawah kawalan kami adalah dimusnahkan dan/atau dijadikan tanpa nama secepatnya ia munasabah untuk kami menganggap bahawa (i) tujuan Data Peribadi tersebut dikumpul tidak lagi dipenuhi dengan penyimpanan Data Peribadi tersebut; dan (ii) penyimpanan adalah tidak lagi diperlukan bagi apa-apa tujuan undang-undang atau perniagaan lain.

Di mana Data Peribadi anda perlu dipindah ke luar Malaysia, kami akan mematuhi PDPA dalam membuat demikian. Sehubungan itu, ini termasuk pemerolehan persetujuan anda oleh kami melainkan terdapat suatu pengecualian di bawah PDPA atau undang-undang, dan pengambilan langkah-langkah yang sesuai dan munasabah untuk memastikan bahawa organisasi penerima asing Data Peribadi adalah tertakluk kepada tanggungjawab sah di sisi undang-undang untuk memberikan satu tahap perlindungan kepada Data Peribadi dipindah yang sekurang-kurangnya setanding dengan perlindungan di bawah PDPA. Ini mungkin melibatkan kami memasuki sebuah perjanjian yang sesuai dengan organisasi penerima asing yang berurusan dengan pemindahan Data Peribadi atau membenarkan pemindahan Data Peribadi tanpa perjanjian tersebut jika PDPA atau undang-undang membenarkan kami membuat demikian.

## PENGEMASAN KINI POLISI PERLINDUNGAN DATA

Kami berhak, pada bila-bila masa dan tanpa notis, untuk meminda atau mengemas kini Polisi Perlindungan Data ini. Apa-apa pindaan kepada Polisi ini akan dipaparkan di laman web kami. Apa-apa pindaan atau kemas kini tersebut akan berkuat kuasa dengan segera selepas pemaparan.

Anda digalakkan untuk melayari laman web kami dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa anda adalah sedia maklum dengan polisi-polisi terkini kami mengenai perlindungan data peribadi.

**Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarian diantara sebarang kandungan Polisi ini dengan kandungan Polisi ini dalam Bahasa Inggeris, kandungan Polisi ini dalam Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.**